

27/12/1998

Pameran hartanah di PWTC esok

KUALA LUMPUR: Satu pameran hartanah sempena Kempen Pemilikan Rumah akan diadakan esok bagi memberi peluang kepada pembeli untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai hartanah sepanjang kempen itu berlangsung.

Presiden Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM), Datuk Eddy Chen Lok Loi, berkata pameran seminggu bertemakan 'Hartanah Malaysia' akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Katanya, selain mendapat maklumat, pembeli juga berkesempatan mengetahui mengenai perkara berkaitan seperti kewangan, pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan kelulusan Pinjaman Perumahan Perbendaharaan (THL).

"Kira-kira 80 pemaju dijangka mengambil bahagian dalam pameran ini dengan mengemukakan lebih daripada 100 projek sekitar Lembah Klang.

"Sebanyak 27 bank dan 15 konsortium syarikat kewangan besar turut menyertai pameran itu membekalkan keperluan kewangan bagi pembeli yang berpotensi. Sebahagian syarikat insurans juga terbabit untuk menyediakan perkhidmatan insurans," katanya dalam satu kenyataan.

Kerajaan dan beberapa agensi seperti KWSP, Bank Negara Malaysia dan THL juga akan menyertai pameran itu bagi menjawab segala masalah yang dikemukakan.

Sebanyak 1,000 cenderamata akan disediakan pada hari perasmian untuk pengunjung bertuah dan setiap pengunjung ke 1,000 akan menerima hadiah misteri.

Menurutnya, bagi acara kemuncak, HDAM menawarkan kereta Proton Wira terbaru sebagai hadiah utama cabutan nombor bertuah yang akan diadakan pada akhir Januari tahun depan.

"Mereka yang menyertai Kempen Pemilikan Rumah bermula 12 Disember 1998 hingga 12 Januari 1999 secara automatik akan terpilih untuk pertandingan itu.

"Kami ingin menasihatkan orang ramai supaya tidak melepaskan peluang keemasan untuk memiliki hartanah pada harga rendah ini dan juga menikmati banyak kemudahan disediakan kerajaan dan agensi lain," katanya.

(END)